



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**LAPORAN PORTAL FREE MALAYSIA TODAY BERTAJUK “6 TO SPEND  
WEEKEND IN PRISON AS BAIL COUNTER CLOSES EARLIER” YANG  
DISIARKAN PADA 20 APRIL 2023**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) merujuk kepada laporan Portal Free Malaysia Today bertajuk “*6 to spend weekend in prison as bail counter closes earlier*” yang disiarkan pada 20 April 2023.

Pejabat ini ingin menjelaskan bahawa laporan yang menyatakan kaunter jamin ditutup awal adalah **tidak benar**. Kes yang dinyatakan dalam laporan tersebut adalah melibatkan sepuluh (10) orang tertuduh dan Mahkamah telah membenarkan kesemua tertuduh tersebut dijamin. Namun demikian, hanya penjamin bagi empat (4) orang tertuduh sahaja hadir bagi meneruskan proses jamin manakala penjamin bagi enam (6) orang baki tertuduh tiada di Mahkamah untuk menguruskan proses jaminan tersebut.

Kehadiran penjamin untuk menguruskan proses jamin adalah merupakan sebahagian daripada prosedur yang perlu dipatuhi bagi membolehkan Mahkamah mengesahkan identiti penjamin yang bertanggungjawab dalam jaminan tersebut selanjutnya agar Mahkamah dapat memberikan penerangan secara lisan kepada penjamin-penjamin berhubung syarat dan tanggungjawab penjamin sepanjang tempoh jaminan.

**Sehubungan dengan itu, memandangkan dalam kes ini penjamin bagi keenam-enam tertuduh tidak dapat dikemukakan sehingga kaunter ditutup pada jam 4.00 petang (waktu biasa penutupan kaunter sepanjang bulan Ramadan), proses jamin bagi keenam-enam tertuduh tidak dapat disempurnakan.**

Sekian terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 23 April 2023**